

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, December 26, 2017 1:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: LoI SEFB-LIU Beirut Fokus Kerjasama Penyelidikan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

26 DISEMBER 2017 / 07 RABIULAKHIR 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: SEFB

LoI SEFB-LIU BEIRUT FOKUS KERJASAMA PENYELIDIKAN



UUM ONLINE: Lebanon - UUM menerusi Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) telah menandatangani Letter of Intent (LoI) dengan Lebanese International University (LIU) Beirut, baru-baru ini.

LoI tersebut ditandatangani Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Yusnidah Ibrahim yang mewakili Naib Canselor ketika beliau menghadiri '1st International Conference on Economics, Business and Social Science', manakala LIU diwakili Naib Presiden Hal Ehwal Pelajar, Prof Dr Ali Tarabay.

Pemeteraian Lol itu adalah lanjutan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani UUM dengan Lebanese International University (LIU) Beirut.

Prof Dr Yusnidah berkata, dengan adanya Lol itu diharap SEFB dan LIU dapat menjalinkan kerjasama dalam bidang penyelidikan melalui geran penyelidikan sepadan.

Katanya yang turut menyampaikan ucap tama pada persidangan tersebut, kerjasama antara SEFB dan LIU menjadi satu agenda yang terbaik bagi merangka aktiviti selanjutnya dan kerjasama lain antara UUM dan universiti-universiti dirantau ini.

Persidangan berkenaan mendapat kerjasama dengan Center for Sustainability Research and Consultancy (CSRC) dan LIU yang mengangkat tema 'Sustainable development :Connecting Business & Society In Emerging Economics'.

Seminar yang dipengerusikan oleh Prof Madya Dr Sallahuddin Hassan itu merupakan aktiviti pertama yang dilaksanakan dalam kerjasama antara SEFB dan LIU.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.